

Cederakan anak dan isteri, lelaki dijatuhi hukuman penjara 36 bulan

KUCHING:Padah mencederakan isteri serta dua orang anak perempuan selepas berang dengan tindakan anak-anak yang didakwa tidak menyahut panggilannya, seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara 36 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, hari ini.

Majistret Leona Dominic Mojiliu menjatuhkan hukuman itu terhadap Ibrahim Yusuf, 47, yang mengaku bersalah atas tiga pertuduhan yang masing-masing dibuat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksan dibaca bersama Seksyen 326A kanun sama.

Leona memerintahkan tertuduh dijatuhi hukuman penjara 12 bulan bagi setiap pertuduhan dihadapinya, dengan

kesemua hukuman diarahkan berjalan secara berturutan berkuat kuasa semalam.

Menurut faktakes, tertuduh bertindak agresif selepas tercetus pertengkaran dalam keluarganya pada 3 Jun 2026, kira-kira jam 10.50 pagi di sebuah rumah di Kampung Gita Lama, Jalan Petra Jaya, di sini.

Dalam kejadian itu, tertuduh bertindak membalik lapik kerusi kayu ke arah anak-anak perempuannya yang masing-masing berusia 23 dan 15 tahun, sehingga menyebabkan kecederaan dan kesakitan kepada mangsa.

Selain itu, ketika pengadu iaitu isteri tertuduh berusia 42 tahun cuba melindungi anak-

anaknya, berlaku pergelutan antara pengadu dan tertuduh sehingga menyebabkan pengadu mengalami kecederaan pada mata kiri akibat terkena jari tertuduh.

Khuatir akan keselamatan diri serta keluarga, pengadu membuat laporan polis yang kemudiannya membawa kepada penangkapan tertuduh pada 5 Jun 2026, sekitar jam 9.30 malam.

Hasil siasatan mendapati punca kejadian adalah pertengkaran keluarga apabila tertuduh berang dengan tindakan anak-anak yang didakwa tidak menjawab panggilannya, sebelum bertindak agresif terhadap ahli keluarganya.

Malah, hasil pemeriksaan perubatan mengesahkan pengadu mengalami lebam pada bahagian mata kiri, manakala salah seorang anak tertuduh mengalami kecederaan tisu lembut pada bahagian bahu kiri dan siku kiri.

Oleh itu, tertuduh dengan sengaja menggunakan kekerasan terhadap ahli keluarganya sehingga menyebabkan kecederaan dan kesakitan kepada mangsa-mangsa.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Fauzulutfi Suriani sementara tertuduh tidak diwakili peguam.

Kes disiasat oleh Pegawai Penyiasat Inspektor Nur Ain Wong Abdullah.



CEDERAKAN ANAK ISTERI: Tertuduh (tiga kanan) diiring anggota polis ketika berada di lobi Kompleks Mahkamah Kuching semalam selesai dijatuhkan hukuman. — Gambar Roystein Emmor